



DAING NASIR IBRAHIM bersama-sama peserta kayak mengibarkan Jalur Gemilang sempena Hari Malaysia yang akan disambut pada Jumaat ini.

Warga UMP berkayak Sehati Sejiwa

UTUSAN MALAYSIA
(ALAM AKADEMIK)
14/9/2016 m/s 28

Oleh **MOHAMAD SHOFI MAT ISA**
shofi.isa@utusan.com.my

■ **KUANTAN 13 SEPT.**

BERSEMPENA sambutan Bulan Kebangsaan dan Hari Malaysia, Universiti Malaysia Pahang (UMP) baru-baru ini menganjurkan program Berkayak Sehati Sejiwa sambil mengibarkan Jalur Gemilang mengelilingi tasik di universiti berkenaan di kampus Pekan di sini.

Program yang disertai hampir 50 penuntut dan staf universiti itu bermula pukul 8 pagi dengan diketuai Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Daing Nasir berkata, beliau bangga dengan generasi muda masa kini yang melahirkan semangat patriotik dan sayangkan negara.

“Namun cara mereka menza-

hirkan tanda cinta pada negara mungkin berbeza pada zaman terdahulu. Usaha mereka dalam penganjuran Kayak Sehati Sejiwa ini harus kita hargai agar usaha ini dapat disuburkan dalam kalangan masyarakat terutama warga UMP.

“UMP sendiri telah menjalankan beberapa aktiviti yang berunsurkan kemerdekaan seperti menghias pejabat dengan Jalur Gemilang, konvoi bermotosikal, ceramah kenegaraan dan tidak dilupakan juga program kemerdekaan turut diselitkan di dalam Minggu Induksi Siswa bagi pelajar baharu yang telah mendaftar baru-baru ini,” katanya di sini hari ini.

Sementara itu, Naib Presiden Persatuan Kayak UMP, **Ahmad Kamil Haziq Ahmad Alili**, berkata, program itu menggabungkan rasa cinta terhadap negara dan sukan kayak.

Katanya, semangat patriotik penting untuk melahirkan warganegara yang cinta serta sanggup berjuang mempertahankan agama, bangsa dan negara.

Penuntut Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE), **Siti Nur Shabrina Che M. Khazani**, berkata, dia bertuah dapat menyertai program berkayak Sehati Sejiwa itu.

“Individu yang memiliki semangat patriotik yang tinggi akan sentiasa berusaha untuk memajukan diri dan negaranya agar mencapai kemajuan dan pembangunan dengan cepat, setanding dengan negara-negara maju yang lain.

“Sekiranya semangat patriotik tidak dapat dipupuk dalam kalangan remaja, pastilah mereka tidak ada perasaan cinta akan negara dan menyebabkan mereka hilang jati diri,” katanya.